

12/10/1997

## Mahathir kesal tuduhan Australia

KEMAMAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tuduhan Australia kononnya kerajaan Malaysia cuba membalas dendam terhadap negara itu dengan menolak tawaran sebuah syarikat Australia berhubung kontrak pertahanan.

Perdana Menteri berkata, kegagalan Australia mendapat kontrak bernilai AS\$2 bilion (RM5.1 bilion) bagi membina 27 bot peronda baru tidak ada kaitan dengan krisis beliau dengan bekas Perdana Menteri, Paul Keating, berhubung isu `keras kepala`.

"Kita berasa amat sedih dengan tuduhan semacam ini. Takkan kita tiada hak langsung untuk membuat pemilihan."

"Apabila Malaysia tidak berikan kepada mereka, diungkitnya hal itu dengan pasal balas dendam. Takkan semua nak dibahagikan kepada Australia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar kelmarin yang memetik kerajaan Australia sebagai berkata, krisis Keating dengan Dr Mahathir beberapa tahun lalu menyebabkan negara itu kehilangan kontrak pertahanan bernilai A\$2 bilion (RM5.1 bilion).

Timbalan Perdana Menteri, Tim Fischer, berkata sekalipun usaha giat dijalankan, Malaysia memilih tawaran sebuah syarikat Jerman untuk membekalkan 27 bot peronda baru serta menolak tawaran syarikat Australia, Transfield Defence Systems.

Mengulas lanjut perkara itu, Dr Mahathir berkata, keputusan yang dibuat itu tidak mempunyai kaitan langsung dengan Keating dan tidak wajar untuk menuduh tindakan itu dibuat kerana membalas dendam ke atas Keating.

"Kita menerima banyak tawaran dan semua syarikat mampu melaksanakannya. Ada faktor lain yang diambil kira sekiranya kita memilih Jerman," katanya yang enggan mengesahkan sama ada kontrak itu sudah diberi kepada syarikat Jerman.

Menurut Dr Mahathir, setakat ini beliau tidak mempunyai maklumat berhubung kontrak pembinaan bot peronda yang menjadi sebahagian rancangan memodenkan Tentera Laut Diraja Malaysia.

DI KUALA LUMPUR, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, berkata kementerianya belum meluluskan kontrak tender berkenaan kerana perlu menunggu kelulusan Kabinet.

"Mana-mana syarikat yang disenarai pendek masih mempunyai peluang untuk diberi kontrak itu," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Pekerja-pekerja Awam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (Kesatria) di sini.

Dr Abdullah berkata, projek itu hampir pasti diteruskan tidak lama lagi, walaupun ketika ini kerajaan mengarahkan semua projek besar ditangguh sehingga nilai ringgit kembali pulih.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata projek itu kini dalam peringkat akhir perbincangan di antara Kementerian Kewangan, konsortium tempatan dan syarikat luar.

(END)